



SIARAN MEDIA

'STESEN PAM PENGGALAK BATANG SAMARAHAN BAHARU MANTAPKAN SISTEM BEKALAN AIR DI BAHAGIAN SAMARAHAN'

SAMARAHAN, 14 November 2022: Keprihatinan dan komitmen Kerajaan Sarawak kepada penambahbaikan infrastruktur dan sistem bekalan air di Bahagian Samarahan dizahirkan dengan pelaksanaan pelbagai projek bekalan air bermula dari tahun 2018. Samarahan adalah antara bahagian di Sarawak yang bakal menyaksikan suatu perubahan besar dalam penyelesaian kemelut bekalan air bersih dan terawat yang sering dialami oleh penduduk selama ini apabila pelaksanaan dua puluh (20) Projek Rakyat Bekalan Air bernilai sekitar RM432 Juta dari Kota Samarahan ke Sebuyau dan Simunjan siap sepenuhnya menjelang tahun 2023. Inisiatif Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak sebagai agensi pelaksana ini akan memberi signifikan impak kepada lebih 85,000 penduduk di kawasan Asajaya, Sadong Jaya, Sebangon, Sebuyau dan Simunjan.

Projek Stesen Pam Penggalak Batang Samarahan baharu di bawah Pakej 1D ini telah siap dilaksanakan pada bulan Mac 2022 dan menelan belanja sekitar RM23.2 Juta. Ia merupakan sebahagian daripada pelaksanaan pelbagai siri projek bekalan air di Bahagian Samarahan. Projek berimpak tinggi ini akan menambahbaik dan memantapkan lagi sistem bekalan air sedia ada kerana ia berperanan untuk mengepam air menyeberangi Jambatan Batang Samarahan seterusnya menyalurkan air dengan lebih berkesan dan konsisten ke kawasan-kawasan Asajaya, Sadong Jaya, Sebangon, Sebuyau dan Simunjan. Projek ini juga merupakan salah satu komponen utama Sistem Grid Bekalan Air Sarawak.

Skop projek ini melibatkan pembinaan stesen pam penggalak berkapasiti 46 Juta Liter sehari, pembinaan tangki simpanan air berkapasiti 7.5 Juta Liter, pelaksanaan sistem *electro chlorination* serta kerja-kerja berkaitan.

Bagi menjamin kualiti bekalan air yang lebih mampan di Bahagian Samarahan, JBALB Sarawak akan memastikan projek-projek yang kini dalam peringkat pelaksanaan akan disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Projek-projek tersebut bakal membentuk sebahagian daripada Sistem Grid Bekalan Air Sarawak yang diilhamkan oleh YAB Premier Sarawak untuk menyelesaikan isu bekalan air secara efektif dan menyeluruh.

-TAMAT-

JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK